

Classification and properties of duricrusts for excavation purpose

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20437740&lokasi=lokal>

Abstrak

: Walaupun bahan kerak tanah memperlihatkan beberapa sifat yang hampir sama dengan batuan sedimen klastik, tetapi dari aspek lithologi bahan ini tidak boleh diklasifikasikan sebagai batuan. Ketidakpastian mengenai pengkelasan bahan ini boleh menimbulkan beberapa masalah dalam kerja pengorekan kerak tanah terutamanya mengenai kaedah pengorekan dan kadar pembayaran. Dalam usaha mengujudkan prosedur menentukan tahap kebolehkorekan kerak tanah, kertas kerja ini memperjelaskan beberapa perbezaan dan persamaan asas antara kerak tanah dan batuan sedimen klastik. Data ujikaji makmal dan kerja lapangan menunjukkan bahawa dari segi tekstur dan kekuatan, kerak tanah menunjukkan persamaan dengan batuan sedimen. Walaubagaimanapun, mod pembentukannya tidak memenuhi kriteria untuk dikelaskan sebagai batuan. Dengan ini bagi bahan-bahan geologi tertentu, pengkelasan lithologi sahaja tidak dapat menggambarkan kebolehkorekannya. Penilaian tambahan ke atas sifat-sifat bahan juga merupakan aspek penting yang perlu diambilkira.